



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23/9/2011

## Hudud dan pemukiman BNBBC di Selangor

CABARAN bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad agar Pas melaksanakan segera hukum hudud terutama di Kelantan dengan alasan beliau sudah tidak menjadi pemimpin negara segera mendapat maklum balas para penulis blog.

Beberapa blog menganggap selama ini jelas Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat lebih takutkan Dr. Mahathir berbanding Allah dalam usaha mahu melaksanakan hukum hudud di Kelantan.

Penulis **Spy Leman** dalam *MyKMU* ([www.mykmu.net](http://www.mykmu.net)) berkata, isu hudud sengaja dibangkitkan semula oleh Nik Abdul Aziz kerana menyedari pilihan raya umum akan diadakan tidak lama lagi sedangkan isu itu sudah diputar-belit oleh Pas sejak lebih 20 tahun lalu.

Apa yang pasti, Nik Aziz sebenarnya lebih bimbang jika Kelantan jatuh ke tangan Barisan Nasional (BN) dan dirinya tidak lagi diangkat menjadi Menteri Besar jika beliau melaksanakan hudud di negeri

itu dan bukannya disebabkan Dr. Mahathir.

"Nik Aziz juga sanggup mengeneipkan keutamaan menunaikan janji yang diuar-uarkan di seluruh negara berkenaan hudud hanya kerana Dr. Mahathir. Berjanji tapi mungkir ini adalah salah satu ciri-ciri munafik. Macam mana nak jadi ulama kalau buat perkara-perkara yang membawa sifat munafik?" katanya.

Blog *Belantan* ([belantan.blogspot.com](http://belantan.blogspot.com)) pula berkata, Nik Aziz sengaja memainkan lagu lama berkenaan hudud bagi mengelabui mata rakyat atas kepincangan kepimpinan mereka sekarang.

Katanya, dalam manifesto pilihan raya umum 1990, Pas telah berikrar untuk melaksanakan hukum hudud di Kelantan jika memerintah negeri itu tetapi hakikatnya sehingga kini mereka belum menunaikan janji-janji tersebut.

"Pas tak boleh pinda hukum hudud asal mengikut selera sendiri. Kerana tidak

mampu, Nik Aziz mula menuduh orang lain, mula-mula beliau tuduh Sultan Kelantan tidak tandatangan sebagai tanda persetujuan, kemudiannya diugut Perdana Menteri pula.

"Akhirnya menuduh pula Islam Melayu, UMNO. Apa dah jadi dengan Tok Guru ini yang hanya mencari *skapegoat* (kambing hitam) supaya tuduhan diletak ke atas bahu orang lain bertujuan menyuci tangan yang penuh dengan najis," katanya.

Jeffry Damien ([jeffrydamien09.blogspot.com](http://jeffrydamien09.blogspot.com)) turut menganggap kenyataan Nik Aziz mengenai hudud semata-mata mahu meraih simpati rakyat setelah imej Pas semakin tercemar berikutan tingkah-laku para pemimpin mereka.

Katanya, bagi Pas hudud hanyalah sebahagian daripada senjata politik yang boleh digunakan untuk mengugat dan apabila keadaan terdesak serta tersepit mereka akan kembali menggunakan isu tersebut.

"Tentu kita perasan bila setiap kali Pas gunakan isu hudud, DAP langsung tak berbunyi. Malah mereka membiarkan Pas terus memainkan isu hudud sebab mereka tau Pas hanya nak menyelamatkan maruah parti setelah bersusah payah mempertahankan DAP mempermainkan akidah dan agama," katanya.

Sementara itu blog *Gerakan Timur* ([gerakantimur.blogspot.com](http://gerakantimur.blogspot.com)) pelik dengan kenyataan Pesuruhjaya Pas Selangor, Dr. Rani Othman yang menuduh UMNO dalam keadaan terdesak apabila mengadakan pemukiman ADUN-ADUN BN di Selangor yang berlangsung sehingga hari ini.

Katanya, Dr. Rani sepatutnya mencari isu lain yang lebih baik bukan sekadar mengeluarkan kenyataan yang rendah tahapnya.

"Pemukiman bukanlah sesuatu yang asing bagi pihak yang kalah. Pas, PKR pernah membuat program yang sama selepas kekalahan mereka. Ini politiklah... Rupanya

DUN Meru yang juga kawasan Dr. Rani ini bakal menjadi majlis penutup program BN-BBC dengan kehadiran TPM! Takkan sudah goyang kot!" katanya.

Blog *Keris Putra* ([kerisputra.blogspot.com](http://kerisputra.blogspot.com)) berkata, Dr. Rani sudah terdesak apabila mengetahui BNBBC berkumpul di Selangor khususnya di kawasan DUN yang diwakilinya sendiri.

"Tetapi yang paling buat Rani kecewa dan takut ialah majlis penutup diadakan di kawasan beliau, kawasan yang kononnya UMNO tidak akan mampu rampas kembali," katanya.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dijangka menutup program pemukiman itu di pekan Meru pada pukul 5 petang dan sebelum itu beliau akan bersolat Asar di Masjid Kampung Budiman bersama rakyat Meru.

Kelolaan LUKMAN ISMAIL  
[lukman@utusan.com.my](mailto:lukman@utusan.com.my)